



18 Mac 2014
18 March 2014
P.U. (A) 76

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN
(PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 3) 2014

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY) (NO. 3)
ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 3) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 3) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 18 Mac 2014.

Peremitan cukai

2. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan produk, kemudahan, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 4 hendaklah diremitkan sepenuhnya:

(a) DanaInfra Nasional Berhad yang baginya Akta terpakai menurut kuasa di bawah Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (DanaInfra Nasional Berhad) 2012 [*P.U. (A) 176/2012*];

(b) mana-mana pemegang Nota Jangka Sederhana Islam dan Kertas Komersial Islamik; atau

(c) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Program Nota Jangka Sederhana Islam dan Kertas Komersial Islamik, yang disebut “Program IMTN dan ICP” dalam Perintah ini, atau jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia, termasuklah mana-mana pihak yang kepadanya

perjanjian, nota, surat cara dan dokumen itu dipindahkan atau diserahkan.

Peremitan duti setem

3. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan produk, kemudahan, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 4 hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Pemakaian

4. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

(a) Nota Jangka Sederhana Islam dan Kertas Komersial Islamik yang diterbitkan oleh DanaInfra Nasional Berhad menurut Program IMTN dan ICP dengan nilai nominal sehingga tiga belas bilion ringgit (RM13,000,000,000.00):

Dengan syarat bahawa, agregat bergabung nilai nominal belum berbayar Nota Jangka Sederhana Islam dan Kertas Komersial Islamik dan amaun prinsipal belum berbayar di bawah Pembiayaan Pinjaman Bersindiket *Revolving Credit* Islam, yang disebut “Pembiayaan SFF-i” dalam Perintah ini, hendaklah tidak melebihi tiga belas bilion ringgit (RM13,000,000,000.00);

(b) Pembiayaan SFF-i dengan amaun agregat prinsipal belum berbayar tidak melebihi lapan bilion ringgit (RM8,000,000,000.00) tertakluk kepada agregat bergabung yang disebut dalam subperenggan (a);

(c) Program IMTN dan ICP yang telah ditambah nilai nominal daripada lapan bilion ringgit (RM8,000,000,000.00) kepada nilai agregat maksimum sehingga dua puluh satu bilion ringgit (RM21,000,000,000.00); dan